



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI WARGA EMAS 2017  
ANJURAN  
PERTUBUHAN WANITA NEGERI SEMBILAN  
( NSW0)**

**24 OKTOBER 2017  
DEWAN TUANKU AISHAH ROHANI , NSW0**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada saudari Pengacara Majlis

### **SALUTASI [ AKAN DISEDIAKAN ]**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam Sejahtera ,  
Salam Negaraku.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) menjemput saya menghadiri majlis yang sangat bermakna, dalam suasana yang sungguh meriah lagi permai ini. Inilah kedatangan saya buat pertama kali ke Dewan Tuanku Aishah Rohani, NSWO yang serba cantik ini.
2. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada Yang Mulia Raja Datin Seri Dato' Hajah Salbiah binti Tengku Nujumudin, Yang DiPertua Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) dan Ahli Jawatankuasa yang dapat mengadakan Majlis Sambutan Warga Emas 2017. Majlis seperti ini amat baik dijadikan sebagai acara tahunan kerana ini merupakan salah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan kepada warga emas dari seluruh Negeri Sembilan.

Yang Mulia Raja Datin Seri Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

3. Untuk makluman semua, Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa diisytiharkan pada 1 Oktober selaras dengan Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana

Kerajaan Malaysia telah bersetuju mengisytiharkan 1 Oktober setiap tahun mulai tahun 1992 sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan.

4. Sambutan Hari Warga Emas dilaksanakan dengan 3 objektif utama iaitu: (i) meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan ikatan kekeluargaan, penjagaan, perlindungan dan kemudahan berkaitan ke arah peningkatan kualiti hidup warga emas; (ii) meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan kepada warga emas melalui pembelajaran sepanjang hayat; dan (iii) memberi penghormatan dan penghargaan kepada warga emas yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan warga emas dan negara melalui program pembelajaran sepanjang hayat.
5. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan mendapati terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas atau 6.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 23.5 juta orang). Berbanding dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini yang dijalankan pada tahun 2010, warga emas merupakan 2.2 juta orang atau 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 28.3 juta orang) .
6. Sehubungan itu, Malaysia perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negara ini. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan

Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.

7. Semasa NBOS Summit pada Mac 2017, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif *Beautiful Life For Seniors* (BEL FOS) bertujuan memastikan warga emas di Malaysia menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui lima (5) bidang fokus iaitu kesejahteraan pesara, advokasi kesihatan dan kecergasan, kesukarelawanan, pengurusan kewangan dan pembangunan usahawan serta bimbingan pekerjaan baharu - bekerja semula.
8. Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan komitmen dan penglibatan semua pihak, iaitu kerajaan, agensi korporat dan NGO yang akan memberi faedah kepada 3.1 juta warga emas atau 9.6% daripada 32 juta rakyat Malaysia. Ini bermakna inisiatif ini berjaya memberi kejayaan berimpak besar atau *big win* yang telah dicapai dengan penjimatan kos serta dalam tempoh yang singkat (*quick win*).
9. Bagi tujuan memberi hebahan dan perkongsian maklumat, Kerajaan telah menyediakan portal *Beautiful Life For Seniors*. Sebagai permulaan, portal ini menyediakan maklumat berkenaan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang disediakan meliputi institusi dan bantuan kebajikan, dasar dan kajian, diskaun tambang pengangkutan serta peluang pekerjaan kepada warga emas termasuk penyertaan di dalam aktiviti kesukarelawanan.

10. Inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan ini adalah merupakan satu titik permulaan dalam usaha Kerajaan untuk memastikan negara bersedia menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk di Malaysia.
11. Warga emas merupakan aset yang amat penting kepada negara kerana mereka memiliki ilmu, pengalaman dan kepakaran yang tidak mudah dicari ganti. Usia emas itu bukanlah noktah bagi mereka untuk menyumbang tenaga mahupun bagi kita memanfaatkan golongan warga emas.
12. Untuk makluman semua bahawa kementerian melalui JKM melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan program sejajar dengan keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan hidup golongan warga emas. Antara Perkhidmatan Luar yang disediakan untuk golongan ini ialah Bantuan Kewangan, Pusat Aktiviti Warga Emas dan Unit Penyayang Warga Emas
13. Bantuan Kewangan ialah Bantuan Orang Tua (BOT) yang diberikan RM300 sebulan seorang sebagai saraan hidup adalah diberikan kepada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas, tiada sumber pendapatan untuk menyara hidup dan tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan

untuk memberi sumbangan kepada warga emas yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti.

14. Penerima sumbangan Bantuan Orang Tua di Negeri Sembilan seperti yang direkodkan oleh JKM Negeri Sembilan dari Januari 2016 hingga sekarang ialah seramai 8,899 orang daripada penerima warga emas.
15. Di samping itu, terdapat program yang dijalankan dalam komuniti demi memberikan kemudahan yang terbaik kepada warga emas iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*). Kesemua program ini merupakan khidmat yang bercorak '*outreach*' dan *developmental* kepada warga emas 11 dengan berganding bahu bersama agensi-agensi lain dan pertubuhan sukarela kebajikan (PSK).
16. Sebagai kesimpulan, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen Kerajaan untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas kita menua secara aktif, produktif dan sihat.
17. Di kesempatan ini sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Mulia Raja Datin Seri Dato' Hajah Salbiah binti Tengku Nujumudin, Yang DiPertua NSWOW dan dan Ahli Jawatankuasa NSWOW yang telah berjaya mengelolakan

Majlis Sambutan Hari Warga Emas 2017 dengan jayanya. Semoga usaha ini akan berterusan demi untuk kebajikan dan kesejahteraan semua pihak jua.

18. Saya sentiasa mendoakan agar Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan akan lebih proaktif memperkasakan golongan warga emas ini biarpun dalam persekitaran ekonomi dan senario yang tidak menentu. Segala apa yang diusahakan dan diperjuangkan mendapat keberkatan dan kerahmatan dari Allah SWT.
19. Maka dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan kalimah "Bismillahi Rahmannir Rahim" saya dengan ini merasmikan **Majlis Sambutan Hari Warga Emas 2017 anjuran NSW0** .

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.